

**BN Tidak Pernah Abaikan Pembangunan Kuil
Bernama
16 Januari, 2013**

PETALING JAYA, 16 Jan (Bernama) -- Kerajaan Barisan Nasional (BN) pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak tidak pernah menganaktirikan mahupun mengabaikan pembangunan rumah ibadat penganut agama lain termasuk masyarakat India di negara ini.

Setiausaha Politik kepada perdana menteri, Datuk Mohd Shafie Abdullah berkata kerajaan BN menyalurkan pelbagai bantuan dan peruntukan berterusan untuk keperluan dan kebajikan masyarakat India.

"Kerajaan amat prihatin dengan kebajikan masyarakat India dan melaksanakan pelbagai perancangan bagi membela nasib mereka dan rumah ibadat mereka," katanya kepada pemberita pada majlis penyampaian sumbangan dan sambutan Hari Ponggal di Kuil Mariamma Pelangi Damansara di sini Rabu.

Beliau berkata kerajaan menerima banyak rungutan dan keluhan daripada masyarakat termasuk kaum India bahawa kerajaan negeri pakatan pembangkang masih tidak menunaikan janji-janji mereka sehingga menyebabkan sesetengah pihak berasa kecewa.

"Banyak masalah yang dihadapi oleh rakyat Selangor di bawah kerajaan negeri pakatan pembangkang akan dapat diselesaikan dan bantuan berterusan dapat diberikan sekiranya kerajaan Barisan Nasional mengambil alih negeri itu (pada pilihan raya umum ke-13 akan datang)," katanya.

Dalam majlis itu, kuil berkenaan menerima sumbangan RM30,000 manakala 300 pasang sari bernilai RM6,000 sumbangan Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Paya Jaras Datuk Muhammad Bushro Mat Johor diagihkan kepada penduduk Flat Pelangi Damansara.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=922192>